



BERITA

EDISI KEDUA | 02
2021

PASIR GUDANG

TERBITAN RASMI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MAC - APRIL 2021 | 1442 هـ - رجب - رجب



KURNIAAN DARJAH KEBESARAN KEPADA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

4

MBPG Menerima Anugerah
Diamond

6

Lawatan Menteri Ke Pusat Kurantin Dan
Rawatan COVID-19 (PKRC) Di Pasir Gudang Johor



Gemilang • Lestari • Sejahtera

Edisi Digital



ISI KANDUNGAN

- 3 Tahniat Yang Berhormat Dato' Asman Shah Bin Abd Rahman Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- 4 MBPG Menerima Anugerah *Diamond* Di Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2020.
- 5 Lawatan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Ke Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- 6 Lawatan Menteri Ke Pusat Kurantin Dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Di Pasir Gudang Johor.
- 7 Perhimpunan Pagi Bulan April 2021.
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019/2020.
- 8 Program *Town Hall* Datuk Bandar Pasir Gudang Bersama Komuniti.
- 9 Program Ziarah Sahur Datuk Bandar Pasir Gudang.
Majlis Penyerahan Insentif Johor Berkebakikan E-Kasih 2021.
- 10-11 Lensa MBPG Mac - April 2021.
- 12 Program Gotong-Royong Sayangi Sungai Kim Kim.
- 13 Pertandingan *Mobile Legends Bang Bang Online Tournament* 2021.
- 14 Mesyuarat Agung Tahunan Kali Pertama Puspanita MBPG Bil. 1 2021.
Puspanita Johor Menyampaikan Sumbangan Peralatan Asas Kesihatan.
- 15 Program Datuk Bandar Bersama Komuniti Kampung Perigi Achek.
- 16-17 Majlis Berbuka Puasa Kurniaan DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor Kepada Anak-anak Yatim Darul Hanan, Pasir Gudang dan Kurniaan Bantuan DYAM Tunku Mahkota Johor.
Rancangan Tempatan Pasir Gudang 2030.
- 18-19 Yayasan Pasir Gudang.
- 20 Laman Info.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman

PENASIHAT

Encik Mohd Hafiz bin Aliman

KETUA EDITOR

Puan Hajah Norizan bin Mohamad

EDITOR

Puan Haslina binti Hassan

PENGARANG

Puan Nadztasha binti Mohd Puad

PENERBIT

Bahagian Korporat & Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

KONSEP & REKA GRAFIK

PGI Media

HAK CIPTA TERPELIHARA © 2021

Sidang Redaksi BERITA PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan tulisan dan maklum balas. Sila kemukakan kepada:

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Aras 19, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang.
Tel : 07-254 7777 Faks : 07- 251 5260

Web : www.mbgp.gov.my

Tahniah



YANG BERHORMAT DATO' ASMAN SHAH BIN ABD RAHMAN
DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Syabas dan Tahniah Atas Pengurniaan
Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Kedua Dato' Mulia Sultan Ibrahim Johor (DMIJ)
kepada Yang Berhormat Dato' Asman Shah Bin Abd Rahman
sempena Hari Keputeraan Rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar
Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim
pada 23 Mac 2021 bersamaan 9 Syaaban 1442H



Sumber foto : Royal Press Office

MBPG MENERIMA ANUGERAH DIAMOND DI MAJLIS ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2020



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG) telah menerima 4 Anugerah *Diamond* di Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2020. YB Dato' Seri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air telah menyempurnakan majlis perasmian tersebut dan sekaligus menyampaikan anugerah kepada agensi-agensi yang telah dinobatkan sebagai pemenang. YB Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar MBPG hadir bagi menerima anugerah *Diamond* di majlis tersebut.

MBPG memenangi 1 *Diamond* bagi kategori '*Energy*' dan menerima 3 *Diamond* bagi kategori '*Waste*'. Tahniah diucapkan kepada Kumpulan *Low Carbon* MBPG yang telah menggembler tenaga bagi memastikan MBPG mencapai kejayaan dalam menjadikan Pasir Gudang sebuah Bandar Rendah Karbon.





LAWATAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) KE MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG begitu berbesar hati kerana telah menerima kunjungan hormat Yang Berhormat Datuk Dr. Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 14 Mac 2021 yang lalu.

Hadir sama dalam lawatan ini Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Yang Berhormat Tuan Steven Choong Shiau Yoon, Ahli Parlimen Tebrau serta Yang Setia Dato' Haji Yahaya bin Haji Madis, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor.

Program dimulakan dengan sesi ucapan taklimat oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, berkaitan perancangan cadangan pembangunan dan kerja-kerja naiktaraf yang akan dilaksanakan di kawasan bandaraya Pasir Gudang. Taklimat berlangsung di Dewan Cempaka, Aras 20, Menara Aqabah. Yang Berhormat Menteri di dalam ucapannya turut mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah kepada MBPG atas inisiatif yang telah dan akan diambil selepas daripada dinaiktaraf ke status bandaraya.

Delegasi lawatan kemudiannya dibawa ke beberapa, lokasi antaranya cadangan kerja-kerja membaiki pulih gerai makanan di Jalan Sena, Taman Air Biru dan Jalan Meranti 5, Taman Rinting, selain lawatan ke Muzium Layang-Layang, Astaka Diraja dan Astaka Tradisional di Bukit Layang-Layang, Taman Bandar Pasir Gudang. Semua projek naiktaraf ini adalah di bawah peruntukan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Lawatan berakhir dengan acara jamuan makan tengahari bersama Yang Berhormat Menteri serta delegasi di Restoran Terapung Selat Mendana, Kong-Kong.



Lawatan tapak bersama Yang Berhormat Datuk Dr. Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).



Sesi taklimat diadakan di Dewan Cempaka, Aras 20, Menara Aqabah MBPG.

LAWATAN MENTERI KE PUSAT KURANTIN DAN RAWATAN COVID-19 (PKRC) DI PASIR GUDANG JOHOR



YANG BERHORMAT DATUK SERI TAKIYUDDIN HASSAN, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) telah mengadakan lawatan dan tinjauan ke Pusat Kurantin Dan Rawatan COVID-19 (PKRC) di Stadium Tertutup Bandaraya Pasir Gudang pada 9 Mac yang lalu.

Turut bersama-sama mengiringi beliau adalah YBhg. Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Rodzi bin Md Saad, Timbalan Ketua Pengarah, Pengurusan Keselamatan, Majlis Keselamatan Negara, YB. Tuan Vidyananthan A/L Ramanadhan, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Dan Alam Sekitar Negeri Johor, YB Dato' Haji Mohd Noh Ibrahim, TSUK Johor (Pengurusan), YB Dato' Dr Aman Rabu, Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Tuan Haji Abdul Rahman Salleh, Pegawai Daerah Johor Bahru, Tuan Asman Shah Abd Rahman, Datuk Bandar MBPG dan Encik Mohd Tarmizi Dan selaku Pengarah, Majlis Keselamatan Negara, Negeri Johor.

Yang Berhormat Menteri diberi taklimat ringkas mengenai maklumat dan pengurusan PKRC dan CAC Pasir Gudang, kemudiannya dibawa melawat sekitar pusat kuarantin dan rawatan ini. Beliau bersama delegasi sempat meluangkan masa menyantuni barisan *frontliner* yang bertugas di pusat kuarantin dan rawatan COVID-19 ini dengan beramah mesra dan memberikan kata-kata semangat untuk terus berjuang membantu melawan pandemik COVID-19 yang melanda negara ketika ini.



Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin Hassan dalam sesi taklimat yang diadakan.



Bersama-sama barisan frontliner yang bertugas di PKRC Pasir Gudang.



PERHIMPUNAN PAGI

BULAN APRIL 2021

PERHIMPUNAN BULANAN APRIL telah berlangsung pada 1 April 2021 bertempat di Dataran Al-Hamra Menara Aqabah. Datuk Bandar Pasir Gudang, Dato' Asman Shah bin Abd Rahman telah menyampaikan ucapan dan amanat beliau. Hadir sama dalam perhimpunan ini, Setiausaha MBPG, Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Ketua-Ketua Jabatan dan Unit serta seluruh warga kerja MBPG.

Dalam program yang sama, Datuk Bandar telah menyampaikan Manifesto 100 Hari Bandaraya Pasir Gudang beliau berkaitan transformasi digital dalam memperkasakan organisasi dan menyantuni warga kerja dengan majlis serahan kemudahan *tablet* kepada ketua Jabatan dan Unit.



Penyerahan tablet kepada ketua Jabatan dan Unit.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019/2020



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan kepada warga kerja yang telah menunjukkan kecemerlangan pada tahun yang dinilai. Bagi tahun 2019, majlis ini tidak dapat dianjurkan berikutan kekangan daripada pandemik COVID-19 yang melanda. Oleh itu, majlis APC 2019 telah diadakan bersekali dengan tahun 2020 di mana majlis telah diadakan bertempat di Hotel Renaissance Johor Bahru pada 28 April 2020.

Selain Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Sijil Penghargaan (SP) turut diberikan. Seramai 33 orang penerima APC bagi tahun 2019 serta 54 orang penerima SP manakala bagi tahun 2020, 32 orang penerima APC telah dipilih dan 51 orang penerima SP. Selain itu, majlis ini turut meraikan dan memberikan penghargaan kepada warga kerja yang berkhidmat selama 30 tahun dan 25 tahun.



Majlis bermula dengan pendaftaran dan kehadiran warga kerja yang diraikan untuk menerima anugerah diikuti dengan kehadiran Ketua Jabatan dan Unit. Seterusnya Tuan Setiausaha dan Ahli-Ahli Majlis bersama-sama menantikan dan menyambut ketibaan Datuk Bandar Pasir Gudang.

Bersempena dianjurkan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak, majlis anugerah kali ini turut diserikan dengan kehadiran penceramah jemputan, Yang Dimuliakan Tuan Esby Islam bin Rifai, Pegawai Pentafsir Pejabat Kadi Daerah Kota Tinggi. Datuk Bandar turut menyampaikan ucapan sebelum penyampaian APC dan majlis berakhir dengan jamuan berbuka puasa.



PROGRAM TOWN HALL DATUK BANDAR PASIR GUDANG BERSAMA KOMUNITI



Program telah dirasmikan oleh Setiausaha MBPG selaku wakil rasmi kepada Datuk Bandar Pasir Gudang.



Setiausaha MBPG, Encik Mohd Hafiz bin Aliman mempengerusikan sesi dialog yang diadakan.



Ustaz Ebit Lew menyampaikan ceramah bertajuk "Tanggungjawab Bersama Membentuk Masyarakat Prihatin".



SESI TOWN HALL bersama Datuk Bandar Pasir Gudang telah dianjurkan buat pertama kalinya selepas Majlis Perbandaran Pasir Gudang dinaiktaraf menjadi Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG). Program diadakan pada 18 Mac yang lalu bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar Pasir Gudang. Majlis Perasmian disempurnakan oleh Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG selaku wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang.

Selain Ahli-Ahli Majlis MBPG dan ahli-ahli Jawatankuasa Penduduk 24 zon di Pasir Gudang, majlis ini turut dihadiri oleh Ketua-ketua Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun yang telah diundang.

Melalui sesi *Town Hall* ini, bagi bersama-sama memahami dan mencapai hasrat yang dicitakan, MBPG telah memperkenalkan Manifesto Bandaraya Pasir Gudang melalui 5 revolusi sebagaimana berikut :

1. Revolusi Pelabuhan pintar (*Smart Port*)
2. Revolusi Pengezonan dan Industri Pintar (*Smart Zoning*)
3. Revolusi Persekitaran Pintar (*Smart Environment*)
4. Revolusi Masih Prihatin (*Still Care*)
5. Revolusi Kejiranan Aktif (*Active Neighbourhood*)

Segmen sesi dialog dua hala yang dianjurkan turut memberi peluang kepada perwakilan penduduk untuk berkongsi pandangan, menyampaikan hasrat dan cadangan untuk tujuan kemajuan dan pembangunan bandaraya Pasir Gudang. Sesi dialog telah dipengerusikan oleh Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG. Turut mengimarahkan majlis adalah dengan kehadiran figura terkenal semasa, Yang Berbahagia Ustaz Ebit Lew yang diundang khas bagi sesi perkongsian ilmu melalui ceramah yang disampaikan bertajuk "Tanggungjawab Bersama Membentuk Masyarakat Prihatin".

Segala isu, pandangan dan maklumat yang diperolehi hasil penganjuran program ini akan diperhalusi dan dilaksanakan mengikut keutamaan dan tahap keperluan. Semoga dengan penganjuran program ini akan terus menjadi *platform* bagi memperkukuhkan dan mengeratkan hubungan antara MBPG, komuniti, jabatan kerajaan dan badan berkanun yang terlibat.

Program Ziarah Sahur

DATUK BANDAR PASIR GUDANG

PADA 28 APRIL yang lalu, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman selaku Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah berkesempatan menyantuni anggota PDRM yang sedang bertugas melaksanakan tanggungjawab dengan melakukan ziarah sahur mengedarkan bungkusan makanan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam, Balai Polis Masai, Balai Polis Taman Pasir Putih, Balai Polis Taman Scientex dan Balai Polis Pasir Gudang.

Di samping itu, Datuk Bandar turut mengedarkan juadah bersahur kepada Pengawal Keselamatan menjaga aset MBPG di beberapa lokasi Dewan Serbaguna, Stor Pelbagai Guna Majlis dan Loji Rawatan Kumbahan di bawah seliaan MBPG. Program Ziarah Sahur yang bermula dari jam 2.30 pagi ini telah berakhir kira-kira pada jam 5.00 pagi. Datuk Bandar turut beramah mesra dan bersahur bersama-sama anggota Bomba dan Penyelamat Pasir Gudang yang sedang bertugas diketuai oleh Pegawai Bomba Kanan PBKII Iszawati binti Supardi.



INSENTIF AGENDA JOHOR BERKEBAJIKAN e-KASIH | 2021

MAJLIS PENYERAHAN INSENTIF JOHOR BERKEBAJIKAN E-KASIH 2021

MAJLIS TELAH DIADAKAN bertempat di Dewan Taman Air Biru dan penyerahan insentif telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang bersama Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Pengerusi Yayasan Pasir Gudang.


Seramai 111 penerima E-Kasih telah hadir untuk menerima bantuan tersebut yang telah diserahkan oleh Datuk Bandar MBPG dan Pengerusi Yayasan Pasir Gudang. Turut hadir ke majlis tersebut adalah Ahli-Ahli Majlis MBPG, Ketua Kampung dan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat.



LENSA MBPG

MAC & APRIL
2021

LAWATAN DATUK BANDAR PASIR GUDANG KE SUNGAI KIM KIM (8/3/2021)



UNDIAN TAPAK BAZAR RAMADAN (24/3/2021)



PROGRAM JOM SIHAT BERSAMA YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR (26/3/2021)



OPERASI BERSEPADU MEMBANTERAS PENCEMARAN ALAM SEKITAR SIRI 1 2021 (30/3/2021)





**PROGRAM CABUTAN UNDI
TAPAK BAZAR RAMADAN (3/4/2021)**



**LAWATAN DATUK BANDAR KE TAPAK PENJAJA
JALAN SERANGKAI TAMAN BUKIT DAHLIA
(9/4/2021)**

**TAKLIMAT PETUGAS PILIHANRAYA UMUM KE -15
(16/4/2021)**



**LAWATAN DATUK BANDAR KE
TAPAK BAZAR RAMADAN (27/4/2021)**



PROGRAM GOTONG-ROYONG

Sayangi Sungai Kim Kim



YAB Menteri Besar turut serta dalam program gotong-royong membersihkan Sungai Kim Kim.



UMUM MENGETAHUI bahawa nama Pasir Gudang pernah gempar di peringkat nasional apabila telah dikaitkan dengan isu pencemaran sisa toksik yang berlaku di Sungai Kim Kim pada Mac 2019. Namun ianya berbeza kali ini apabila bersempena sambutan Hari Air Sedunia 2021, Sungai Kim Kim telah menjadi perhatian apabila dipilih dalam projek pembangunan sungai yang dinamakan program Denai Sungai Kebangsaan (DSK).

Program telah dirasmikan oleh YAB Dato' Ir. Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor. Hadir sama dalam program ini, YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, YBhg Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), YB Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, Pegawai Kewangan Negeri, YBhg Dato' Ir. Haji Nor Hisham bin Mohd Ghazali, KP JPS, Tuan Haji Abdul Rahman bin Salleh, Pegawai Daerah Johor Bahru dan YBhg Tuan Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar MBPG.

Bagi peringkat permulaan kos membina denai dan mencantikkan Sungai Kim Kim dianggarkan berjumlah RM500,000.00. Sepanjang 2,000 kilometer sungai terjejas di negeri ini dipilih dari keseluruhan 10,000 kilometer di seluruh negara yang akan dibangunkan menjadi tempat laluan serta rekreasi untuk masyarakat setempat. Kawasan rizab sungai ini dicadangkan untuk dibangunkan sebagai kawasan rekreasi melalui pembinaan denai sungai bagi menangani cabaran sosio-alam sekitar melalui pengurusan dan penggunaan alam yang lestari.

Selain itu, pembinaan denai sungai adalah satu daripada pendekatan '*nature-based-solution*' bagi menangani cabaran sosio-alam sekitar menerusi pengurusan dan pengubahsuaian alam yang lestari. Kira-kira 2,000 kilometer sepanjang sungai terjejas di negeri ini dipilih bagi melaksanakan pengindahan, gotong-royong, di samping memupuk rasa tanggungjawab bersama.

"Melalui pembinaan denai ini, aktiviti riadah seperti berkelah, memancing dan berbasikal dalam kalangan komuniti setempat akan dapat menghalang pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan sisa," kata beliau dalam sidang media selepas hadir bagi merasmikan program ini.

Datuk Bandar MBPG turut bersama YAB Menteri Besar Johor untuk bersama-sama bergotong-royong di sepanjang jajaran Sungai Kim-Kim di Pasir Gudang. Program mengindahkan Sungai Kim Kim membabitkan seramai 440 peserta terdiri daripada agensi kerajaan, pelajar universiti serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

PERTANDINGAN MOBILE LEGENDS BANG BANG ONLINE TOURNAMENT 2021



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG telah menganjurkan Pertandingan *Mobile Legends Bang Bang Online Tournament* 2021 peringkat Pasir Gudang dan diuruskan oleh *E.Games.port Management & Consultancy* dengan kerjasama Persatuan Sukan Elektronik Daerah Johor Bahru. Program telah dianjurkan pada 24 hingga 27 Mac 2021 bertempat di *Permata Training Centre Taman Scientex*. Sebanyak 56 Pasukan telah bertanding dalam pertandingan tersebut. Pertandingan ini dianjurkan secara *online* di mana setiap ahli pasukan bermain di kediaman atau di mana sahaja yang dirasakan sesuai untuk bermain. Setiap pemain perlu mempunyai internet sendiri bagi membolehkan mereka bermain secara *online*.



Antara objektif program ini dianjurkan ialah bagi mewujudkan *platform* kepada peminat-peminat sukan elektronik untuk menguji kemampuan, mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan dalam sukan elektronik di persada negara serta mengisi masa lapang warga Pasir Gudang dan sekitarnya selain menyantuni arahan PKPB oleh pihak kerajaan.

Hadiah tempat pertama bernilai RM1,000.00 dimenangi oleh pasukan *Pokemon Reborn*. Manakala tempat kedua dimenangi oleh pasukan *PIS Pride* membawa pulang wang bernilai RM700.00. Tempat ketiga pula dimenangi oleh pasukan *Gladiators* membawa pulang wang bernilai RM500.00 dan tempat keempat dimenangi pasukan *ESG Gaming MY* dengan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM300.00.



Majlis Penyampaian Hadiah disempurnakan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Dato' Asman Shah bin Abd Rahman.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang dan diiringi oleh Puan Hajah Faridah binti Abd Hamid, Ketua Bahagian Pembangunan Masyarakat di Bilik Mesyuarat UTC Pasir Gudang pada 12 April 2021 yang lalu.





MESYUARAT AGUNG PUSPANITA MBPG KALI PERTAMA BAGI SESI 2021



PUSPANITA MBPG telah mengadakan Mesyuarat Agung Pertama bagi tahun 2021 pada 1 April yang lalu bertempat di Dewan Taman Mawar Pasir Gudang. Mesyuarat telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang Dato' Asman Shah bin Abd Rahman. Hadir sama dalam majlis ini, Pengerusi PUSPANITA MBPG, Datin Halimah binti Mohamed Rasip, Setiausaha MBPG, Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Timbalan Pengerusi PUSPANITA MBPG, Puan Sharifah Amariah binti Ahmad Jailani serta ahli-ahli PUSPANITA MBPG.



Mesyuarat Agung Pusanita MBPG dipengerusikan oleh YBhg. Datin Halimah Mohamed Rasip selaku Pengerusi PUSPANITA MBPG.



Majlis dimulakan dengan pendaftaran ahli PUSPANITA MBPG, seterusnya satu sesi ceramah khas bertajuk 'Wanita Anggun Pesona di sisi Islam' telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee bin Abdullah. Ucapan aluan pula telah disampaikan oleh Pengerusi PUSPANITA MBPG, Datin Halimah binti Mohamed Rasip. Datuk Bandar Pasir Gudang seterusnya menyampaikan ucapan dan merasmikan Mesyuarat Agung PUSPANITA MBPG kali pertama sesi 2021.



Sesi bergambar bersama Datuk Bandar Pasir Gudang setelah selesai merasmikan mesyuarat agung PUSPANITA.

Sesi mesyuarat dimulakan dengan pembentangan aktiviti PUSPANITA MBPG sepanjang tahun 2020. Seterusnya lantikan Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Ahli Jawatankuasa Kecil bagi mewakili setiap biro. Sesi mesyuarat berakhir dengan acara cabutan bertuah dan sesi fotografi bersama kesemua Ahli Jawatankuasa Baharu bagi tahun 2021.

PUSPANITA JOHOR MENYAMPAIKAN SUMBANGAN PERALATAN ASAS KESIHATAN KEPADA PUSAT KURANTIN DAN RAWATAN COVID-19 (PKRC) PASIR GUDANG

DATUK BANDAR PASIR GUDANG bertempat di kediaman rasminya pada hari ini telah menghadiri Majlis Penyampaian Sumbangan Peralatan Asas Kesihatan oleh PUSPANITA Johor kepada Pusat Kurantin Dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Pasir Gudang.

Majlis telah disempurnakan oleh Yang Dihormati Datin Dr. Hajah Noor Azizah binti Abd. Latiff selaku Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Johor. Turut hadir mengiringi beliau adalah YBhg. Pn Halimah binti Mohd Sarip, Pengerusi PUSPANITA Majlis Bandaraya Pasir Gudang beserta wakil-wakil daripada PKRC Pasir Gudang manakala Dr Fathi Zaki bin Zakaria telah menerima sumbangan bagi pihak PKRC.

MBPG merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada PUSPANITA Cawangan Negeri Johor di atas sumbangan tersebut dan masih berharap semoga lebih banyak lagi pihak yang akan sudi tampil menyumbang keperluan peralatan dan kelengkapan berkaitan bagi tujuan kemudahan PKRC Pasir Gudang beroperasi.



Penyampaian sumbangan telah diadakan bertempat di kediaman rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang.

PROGRAM DATUK BANDAR BERSAMA KOMUNITI DI KAMPUNG PERIGI ACHEH



PROGRAM DIADAKAN pada 2 April yang lalu bertempat di Kampung Perigi Aceh, Pasir Gudang. Hadir sama dalam program ini ialah Jurutera JKR, Ahli Majlis Zon Cahaya Baru dan Tanjung Langsat, Penghulu Mukim Sungai Tiram, Ketua Kampung dan Ketua-ketua Jabatan MBPG.

Aturcara dimulakan dengan taklimat oleh jurutera JKR mengenai status pembinaan jambatan dan jalan raya di Kampung Perigi Aceh. Selain itu, MBPG juga telah memasang lima panel lampu solar di kampung tersebut bagi memberi keselesaan dan memberi pencahayaan kepada penduduk terutamanya pada waktu malam. Datuk Bandar telah sudi bersama-sama kontraktor panel yang dilantik untuk memasang lampu solar di salah satu lokasi di kampung tersebut.

Seterusnya, Datuk Bandar turut menyampaikan bantuan berbentuk barang keperluan asas kepada sembilan asnaf yang terpilih. Tujuh bantuan telah diberi di balairaya Kg Perigi Aceh, manakala dua bantuan lagi dihantar ke rumah asnaf. Sumbangan merupakan tajaan Yayasan Pasir Gudang (YPG).

Program diteruskan dengan memberi bantuan membaiki pulih sebuah rumah penduduk kampung yang rosak di bahagian

bumbung. Datuk Bandar Pasir Gudang juga turut serta untuk bersama-sama penduduk kampung membaiki pulih bahagian bumbung rumah yang bocor.

Aktiviti riadah berbasikal bersama Datuk Bandar turut diadakan. Sepanjang program berlangsung, Datuk Bandar bersama-sama penduduk kampung telah berbasikal menelusuri kampung Perigi Aceh sambil menyantuni penduduk kampung. Program berakhir pada jam 1.00 tengahari.



Datuk Bandar Pasir Gudang sudi meluangkan masa melaksanakan kerja-kerja memasang panel lampu solar dan membaiki pulih atap bumbung penduduk kampung Perigi Aceh.




MAJLIS BERBUKA PUASA KURNIAAN DYMM RAJA ZARITH SOFIAH BINTI ALMARHUM SULTAN IDRIS SHAH, PERMAISURI JOHOR KEPADA ANAK-ANAK YATIM DARUL HANAN, PASIR GUDANG DAN KURNIAAN BANTUAN DYAM TUNKU MAHKOTA JOHOR

DATUK BANDAR MBPG, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, mengiringi Pegawai Daerah Johor Bahru, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Salleh dalam Majlis Berbuka Puasa Kurniaan DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah kepada Anak-Anak Yatim Darul Hanan Pasir Gudang pada 21 April bertempat di kediaman Darul Hanan Pasir Gudang.

Dalam Majlis tersebut Pegawai Daerah Johor Bahru telah menyampaikan kurniaan DYMM Permaisuri Johor kepada 47 anak-anak yatim dan sumbangan kepada pihak pengurusan Darul Hanan. Datuk Bandar MBPG turut sama menyampaikan sumbangan kepada pihak pengurusan Rumah Anak-Anak Yatim Darul Hanan Pasir Gudang.

Pengerusi PUSPANITA Johor Bahru, dan Pengerusi PUSPANITA MBPG, turut bersama-sama hadir bagi menyampaikan sumbangan Kurniaan DYMM Permaisuri Johor kepada anak-anak yatim tersebut. Turut hadir dalam menjayakan majlis tersebut Pentadbir Tanah Daerah Johor Bahru, Kadi Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Penghulu Tertinggi, Penghulu Kanan, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung.

Sejurus selepas Majlis tersebut, Datuk Bandar MBPG dan Pegawai Daerah Johor Bahru berkesempatan pula untuk menyampaikan kurniaan bantuan DYAM Tunku Mahkota Johor kepada Encik Riduan bin Hassan, yang uzur akibat penyakit kanser paru-paru dan kelenjar otak di kediaman beliau di Taman Mawar, Pasir Gudang.



RANCANGAN TEMPATAN PASIR GUDANG 2030

PROGRAM INI diadakan di Forest City Golf Resort Iskandar Puteri pada 29 dan 30 Mac 2021 dan dirasmikan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman. Sesi bengkel *Focus Group Discussion* (FGD) telah dibahagikan kepada dua iaitu Agensi Teknikal dan Pemain Industri.

Program telah dimulakan dengan ucapan aluan dan taklimat oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, seterusnya sesi '*knowledge sharing*' oleh Iskandar Regional Development Authority (IRDA) yang mana kemudiannya diteruskan dengan bengkel FGD yang pertama. Lima isu utama telah dibincangkan antaranya ; Kemampanan Perancangan, Pemerkasaan Ekonomi Prasarana Makmur, Pengukuhan Sumberjaya dan Pemantapan Urustadbir.

Bengkel pada hari berikutnya diteruskan lagi dengan FGD kedua melibatkan Pemain Industri. Seramai 30 agensi, pemaju dan pengilang telah menyertai sesi dua bengkel ini. Taklimat telah disampaikan oleh TPr. Encik Abdul Halim bin Ali Hassan, perunding dari syarikat Perunding UEP Sdn. Bhd.

Program tamat pada jam 2.00 petang selepas sesi rumusan diadakan.





Sesi Focus Group Discussion telah dijalankan melalui 2 peringkat ; Agensi Teknikal dan Pemain Industri.



PROGRAM DATUK BANDAR BERSAMA KOMUNITI DI ZON CAHAYA BARU

PROGRAM DIADAKAN pada 3 April yang lalu bertempat di Dewan Muafakat Kampung Cahaya Baru dan telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Beberapa aktiviti telah diatur bersempena dengan penganjuran program ini seperti majlis tahlil dan aktiviti gotong-royong di beberapa buah lokasi bertempat di tanah perkuburan Islam dan dalam kawasan Kampung Cahaya Baru. Selepas selesai aktiviti gotong-royong, Datuk Bandar telah dibawa menaiki motosikal oleh penduduk kampung meninjau kawasan kampung sambil menyantuni dan menziarah warga emas yang uzur. Selepas daripada itu, satu perlawanan persahabatan futsal di antara pasukan Belia Kampung Cahaya Baru dan pegawai-pegawai Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah diadakan di mana Yang Berhormat Datuk Bandar juga turut mengambil bahagian dan bermain.

Sebaik selesai perlawanan futsal, Majlis *Town Hall* yang merupakan acara kemuncak telah diadakan. Dua buah agensi kerajaan telah dijemput bagi membuat pembentangan taklimat yang diwakili oleh YBhg. Encik Norhasim bin Kamin selaku Penolong Jurutera, Fasiliti Jalan, JKR Daerah Johor Bahru serta Cik Naz Zilla binti Abdul Najir, Jurutera Daerah Johor Bahru, Jabatan

Pengairan Dan Saliran Negeri Johor. Taklimat kali ini lebih menjurus kepada penerangan kerja-kerja pelebaran Jalan Masai - Kong Kong dan penggalian mendalamkan sungai bagi mengatasi berlakunya kejadian banjir di Kampung Sentosa. Selain itu, taklimat penerangan mengenai pelaksanaan fi lestari untuk kampung-kampung di bawah pentabiran MBPG dan rancangan pembangunan di Zon Cahaya Baru melalui 100 hari manifesto MBPG juga telah disempurnakan oleh Datuk Bandar.

Sesi dialog yang dianjurkan bersama penduduk turut memberi peluang berinteraksi secara dua hala di antara penduduk dan pihak MBPG dalam memberikan komen dan pandangan serta bertanyakan isu-isu perkhidmatan dalam kampung tersebut. Dalam program ini juga, dengan kerjasama Yayasan Pasir Gudang (YPG), Datuk Bandar turut menyampaikan bantuan keperluan asas kepada 10 orang asnaf yang terpilih.

Turut hadir menjayakan program adalah Kompeni Echo Rejimen 501 Askar Wataniah diketuai oleh Mejar Norizam bin Sekak, Encik Fauzi bin Faizal, Ahli Majlis Cahaya Baru Tanjung Langsat, Encik Mohd Nurulfaiz bin Aman, Penghulu Mukim Plentong, Encik Muztaqim Pulungan bin Hamonangan, Ketua Kampung Cahaya Baru dan Ketua-ketua Jabatan MBPG.



PROJEK EKONOMI RAKYAT (ERA)

PROGRAM PROJEK EKONOMI RAKYAT (ERA) ini bertujuan membantu wanita dalam meningkatkan kemahiran dalam pembuatan makanan yang boleh dikomersilkan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi golongan wanita khususnya.

Program ini merupakan program tajaan penuh Yayasan Pasir Gudang. Manakala tenaga pengajar adalah daripada pihak KEMAS.

SIRI 3: REMPAH SEGERA ANEKA LAUK

TARIKH : 5 MAC 2021 (JUMAAT)

Seramai 20 orang peserta menyertai Projek Ekonomi Rakyat (ERA) memasuki siri ketiga dengan kemahiran membuat rempah segera aneka lauk. Para peserta diajar mengenai bahan yang diperlukan, cara penyediaan, kiraan anggaran kos dan cadangan harga jualan. Peserta juga diberi peluang untuk merasai pengalaman untuk membuat sendiri rempah segera tersebut.



SIRI 4: BURNT CHEESE CAKE

TARIKH : 12 MAC 2021 (JUMAAT)

Seramai 20 orang peserta menyertai Projek Ekonomi Rakyat (ERA) memasuki siri ketiga dengan kemahiran membuat *burnt cheese cake*. Para peserta diajar mengenai bahan yang diperlukan, cara penyediaan, kiraan anggaran kos dan cadangan harga jualan. Peserta juga diberi peluang untuk merasai pengalaman untuk membuat sendiri *burnt cheese cake* tersebut.



SIRI 5: TEMPE DAN KEREPEK TEMPE

TARIKH : 19 MAC 2021 (JUMAAT)

Seramai 20 orang peserta menyertai Projek Ekonomi Rakyat (ERA) memasuki siri kelima dengan kemahiran membuat tempe dan kerepek tempe. Para peserta diajar mengenai bahan yang diperlukan, cara penyediaan, kiraan anggaran kos dan cadangan harga jualan. Peserta juga diberi peluang untuk merasai pengalaman untuk membuat sendiri tempe tersebut.



SIRI 6: PASTE MAKANAN

TARIKH : 26 MAC 2021 (JUMAAT)

MASA : 2.00 - 6.00 PETANG

Seramai 20 orang peserta menyertai Projek Ekonomi Rakyat (ERA) memasuki siri keenam dengan kemahiran membuat *paste* makanan. Para peserta diajar mengenai bahan yang diperlukan, cara penyediaan, kiraan anggaran kos dan cadangan harga jualan. Peserta juga diberi peluang untuk merasai pengalaman untuk membuat sendiri *paste* makanan tersebut.



SIRI 7: POCKET CACKY

TARIKH : 2 APRIL 2021 (JUMAAT)

Seramai 20 orang peserta menyertai Projek Ekonomi Rakyat (ERA) memasuki siri keenam dengan kemahiran membuat *pocket cacky*. Para peserta diajar mengenai bahan yang diperlukan, cara penyediaan, kiraan anggaran kos dan cadangan harga jualan. Peserta juga diberi peluang untuk merasai pengalaman untuk membuat sendiri *pocket cacky* tersebut.



SIRI 8: SALAD SPRING ROLL

TARIKH : 9 APRIL 2021 (JUMAAT)

Seramai 20 orang peserta menyertai Projek Ekonomi Rakyat (ERA) memasuki siri ketiga dengan kemahiran membuat *salad spring roll*. Para peserta diajar mengenai bahan yang diperlukan, cara penyediaan, kiraan anggaran kos dan cadangan harga jualan. Peserta juga diberi peluang untuk merasai pengalaman untuk membuat sendiri *salad spring roll* tersebut.



Sesi penutupan program telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Puan Hajah Shahriah binti Ismail, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang. Beliau begitu berharap agar para peserta program menggunakan ilmu yang dicurahkan sebagai modal perniagaan secara kecil-kecilan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan keluarga.

SESI PENYERAHAN INSENTIF JOHOR BERKEBAJIKAN E-KASIH 2021

TARIKH : 9 - 18 APRIL 2021

Yayasan Pasir Gudang diberi amanah untuk menyelaraskan bantuan daripada senarai e-Kasih yang ditetapkan oleh Pejabat Daerah Johor Bahru kepada penerima. Seramai 783 orang penerima e-Kasih telah menerima bantuan tersebut. Pemberian "One-Off" sebanyak RM300.00 sebulan akan diterima oleh setiap penerima e-Kasih selama 2 bulan bagi tahun 2021.

Bil	Tarikh	Lokasi / Jumlah Sumbangan	Jumlah Penerima
1	9 April 2021	Dewan Raya Taman Air Biru	111 orang penerima
2	10 April 2021	Dewan Serbaguna Taman Scientex	94 orang penerima
3	16 April 2021	Dewan Serbaguna Taman Cendana	185 orang penerima
4	17 April 2021	Dewan Serbaguna Taman Kota Masai	150 orang penerima
5		Dewan Terbuka Kompleks Penghulu Sg Tiram	52 orang penerima
6	18 April 2021	Dewan Muafakat Taman Cahaya Masai	110 orang penerima
7		Dewan Muafakat Taman Pasir Putih	81 orang penerima

Program ini merupakan program bantuan Kerajaan Negeri Johor.



SUMBANGAN KASIH RAMADAN YAYASAN PASIR GUDANG

TARIKH : 24 APRIL 2021 (SABTU)

Program tahunan Yayasan Pasir Gudang bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba. Sumbangan pada tahun 2021 diagihkan dalam kumpulan skala kecil bagi meringankan beban masyarakat kurang berkemampuan bagi menyambut hari perayaan dan bagi meraikan hari perayaan masyarakat pelbagai kaum dalam kawasan Pasir Gudang.

Setiap penerima akan menerima sumbangan tunai dan barang keperluan dapur bernilai RM200.00.



PROGRAM S.A.H.U.R ANJURAN YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA DARUL TA'ZIM

TARIKH : 28 APRIL 2021 (RABU)

Program anjuran Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) dengan kerjasama Yayasan Pasir Gudang (YPG) menyantuni golongan kurang berkemampuan dan pesakit kronik di beberapa buah kediaman di sekitar kawasan Bandar Seri Alam, Masai, Taman Rinting dan Kampung Kuala Masai. Program ini telah disempurnakan oleh YB Puan Zaiton binti Haji Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor.

Turut hadir bersama-sama menyertai sepanjang program ini dijalankan adalah Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar MBPG, Puan Nurul Naqiah binti Haji Fadzil, Ketua Pegawai Eksekutif YPKDT, Tuan Haji Baharuddin bin Taib, Ketua Whip Ahli Majlis MBPG, Yang Berbahagia Datin Halimah binti Mohamed Rasip, Pengerusi PUSPANITA MBPG, ALPA YPG, Ahli Majlis MBPG dan Ketua Kampung. Setiap penerima menerima sumbangan wang tunai, bakul makanan dan juadah untuk bersahur.





LAMAN INFO

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

**Perlindungan untuk
semua bermula
dengan anda**

Dapatkan suntikan vaksin

Daftar sekarang



MySejahtera



vaksin covid.gov.my



1800-888-828

**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.**



JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES
BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)

PAUTAN INFORMASI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



www.mbpbg.gov.my



Majlis Bandaraya Pasir Gudang



[majlisbandarayapg_official](https://www.instagram.com/majlisbandarayapg_official)



APLIKASI MUDAH ALIH DARIPADA KPKT